

## Penjagaan Prostesis (Alat Gantian) Anda

*Jagalah prostesis anda seperti anda manjaga kulit anda sendiri.  
Prostesis anda akan tahan lama jika anda menjaga dengan baik.*

Untuk menjaga bentuk dan keadaan prostesis anda:

- ✓ Selalulah menyimpannya di dalam bekas yang disediakan. Ini akan membantu mengekalkan bentuknya
- ✓ Elakkan benda tajam atau pancaran terus matahari. Berhati-hati dengan carikan kecil akibat kuku, barang kemas, gunting, pin serta cakaran atau gigitan haiwan peliharaan.
- ✓ Basuh prostesis anda dengan berhati-hati setiap hari menggunakan air suam dan cecair sabun yang lembut. Bilas dan lap kering dengan tuala. Jangan sesekali menggunakan pencuci bersifat tajam, aseton, alcohol atau sebarang cecair lain untuk prostesis anda.
- ✓ Pakai bra yang bersesuaian. Bra yang terlalu kecil akan menyebabkan silicon di dalamnya berubah bentuk.
- ✓ Jika tubuh anda berubah dari segi saiz dan bentuk, anda mungkin memerlukan saiz dan bentuk protesi yang baru supaya sepadan dengan anda.
- ✓ Berenang merupakan senaman yang bagus selepas pembedahan. Selepas berenang, anda mestilah berhati-hati membasuh prostesis anda untuk menyingkirkan klorin dan garam. Terdapat prostesis khas untuk berenang jika anda kerap melakukan aktiviti ini.

Prostesis anda tidak sepatutnya digunakan secara terus pada kulit yang luka atau tercalar. Jika anda mengalami ruam atau alahan, hentikan penggunaannya serta merta dan dapatkan nasihat doctor.

Amanita Services Sdn Bhd (788618-H)

Lot 1.06, 1<sup>st</sup> Floor, The Ampwalk, 218 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel: 603-2162 8215 Fax: 603-2163 6172 Email: [info@amanita.com.my](mailto:info@amanita.com.my)

Subang Jaya Medical Centre, 1 Jalan SS12/A, 47500 Subang Jaya, Selangor, Malaysia  
Tel/Fax: 603-5639 1540

Email: [info@amanita.com.my](mailto:info@amanita.com.my)

Website: [www.amanita.com.my](http://www.amanita.com.my)